

6.5.2021_Berita Harian_pandemik lonjak budaya inovasi

Pandemik lonjak budaya inovasi

Norasikdn Hamzah,
Ipoh

Penularan COVID-19 mencetuskan perubahan gaya hidup masyarakat dunia, termasuk Malaysia. Pandemik menyebabkan ramai terkesan dan terjejas, termasuk terpaksa bekerja dari rumah dan diberbentikan kerja.

Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) merekodkan 99,696 pekerja antara Januari hingga 27 November tahun lalu terjejas akibat pandemik ini.

Ia menyebabkan manusia terpaksa memikirkan pelbagai kaedah untuk membudayakan inovasi kerana COVID-19 memberikan cabaran dan risiko sangat besar terhadap ekonomi.

Oleh itu, masing-masing mencari pelbagai idea dan membudayakan inovasi untuk menjana pendapatan bagi menyara keluarga.

Hakikatnya, keperluan mempercepatkan proses kerja pada masa ini sangat penting dan berkait dengan inovasi. Ia dapat dipercepatkan apabila wujud gabungan idea kreatif dan inovatif sehingga meningkatkan kualiti serta produktiviti organisasi.

Contohnya, penggunaan kod QR untuk memasuki premis atau mengunjungi sesebuah tempat, mempercepatkan proses mencatat keberadaan seseorang.

Terdapat juga peniaga premis makanan menggabungkan kod QR dengan menu secara digital. Inovasi ini menyebabkan pelanggan tidak perlu menunggu lama untuk memesan makanan atau menanti pelayan untuk memesan makanan.

Inovasi juga penting untuk menghasilkan sesuatu baharu sama ada alat, kaedah atau sistem. Malah, kerajaan dan swasta turut memperkenalkan pelbagai pembaharuan untuk mempercepat serta mempermudah urusan kerja.

Antara sektor mengalami perubahan drastik ialah pendidikan. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) oleh Kementerian Pendidikan (KPM) sejak pertengahan tahun lalu, melahirkan pendidik kreatif dan inovatif.

Pelbagai kaedah dihasilkan untuk menarik perhatian pelajar agar wujud keseronokan belajar dalam talian.

Banyak juga aplikasi dalam talian digunakan guru sama ada untuk pengajaran mahupun pentaksiran. Dalam pendidikan, cetusan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kurikulum amat penting bagi mencorakkan kemajuan serta perubahan pendidikan negara berhadapan pelbagai perubahan baharu.

Ia juga merangkumi inovasi dan kreativiti dalam pengetahuan, isi kandungan dan pelbagai jenis ko-

mahiran perlu dikuasai pelajar. Ini menunjukkan inovasi perlu dijadikan budaya oleh masyarakat terutama dalam sektor pendidikan agar murid dan pelajar tidak ketinggalan.

Inovasi juga antara kaedah sesuai untuk proses pengubahsuaian produk atau perkhidmatan lebih baik. Biasanya, keperluan pengubahsuaian mengikut arus kemodenan dan keadaan dunia masa kini.

Dalam konteks perniagaan dalam talian, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) merekodkan penghantaran domestik bungkusan dan dokumen meningkat sebanyak 10 peratus, iaitu 61 juta berbanding 56 juta pada suku tahun pertama tahun lepas. Jumlah penghantaran suku kedua 2020 pula memecah hampir 7 juta.

Ramai peniaga memilih untuk menggunakan perkhidmatan pesanan mudah alih dan platform media sosial. Selain itu, inovasi dalam perkhidmatan penghantaran makanan diperkenalkan bagi memudahkan pelanggan memesan makanan.

Penggunaan inovasi ini dapat menjimatkan kos mengajayakan pekerja, terutama industri bersaiz kecil. Ia secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat untuk menjana ekonomi keluarga.

Kesimpulannya, inovasi pada masa ini perlu dijadikan budaya dalam kalangan masyarakat kerana inovasi adalah penyumbang ke arah perkembangan dan pembangunan negara.

Pembudayaan inovasi juga menjadi penentu bagi mewujudkan pembaharuan dalam pelbagai sektor agar kemajuan terus bergerak ke hadapan, di samping melonjakkan negara peringkat lebih tinggi agar dapat bersaing dengan negara maju.



Penggunaan kod QR antara inovasi diperkenalkan ketika negara berusaha membendung penularan COVID-19.

(Foto hiasan)